

Dewan Ra'ayat Yang Kedua

Malaysia

Penggal Yang Pertama

Atoran Urusan Meshuarat

Hari Juma'at, 5hb Mach, 1965 pukul 9.30 pagi

Bil. 51

132

Pertanyaan2 Bagi Jawab Mulut

- *1. Enche' C.V. Devan Nair bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom apa-kah mustahak-nya di-jadikan bekas Pengarah Kerja Raya itu sa-orang "Penasihat" kapada Pengarah Kerja Raya Tanah Melayu sekarang.
- *2. Enche' C.V. Devan Nair bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom (a) berapa orang pegawai dagang yang bekerja dalam Jabatan di-bawah Kementerian-nya, siapa nama mereka, dan berapa haribulan mereka akan di-gantikan dengan pegawai2 anak negeri; dan (b) ada-kah siapa2 pegawai dagang yang hendak di-sambong lagi perkhidmatan-nya hingga lepas tarikh yang di-tetapkan dan apa sebab2 hendak di-sambongkan perkhidmatan-nya.
- *3. Enche' C.V. Devan Nair bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian ada-kah benar bahawa beberapa orang pegawai dagang dalam Jabatan Ukor ada-lah rendah kelayakan-nya dan memegang jawatan2 yang lebuh kanan lagi daripada Pegawai2 anak negeri Malaya yang mempunyai kelulusan2 dan pengalaman2 yang lebuh baik lagi daripada mereka.
- *4. Enche' Abang Othman bin Abang Haji Moasili bertanya kepada Menteri Kesihatan sa-takat ini apa-kah tindakan yang telah di-jalankan berhubung dengan pembinaan Rumah Sakit baharu di-Kuching, yang berharga \$13 juta.

Pada Permulaan Urusan Meshuarat
"Usul Kerajaan"

Timbalan Perdana Menteri akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini apabila habis meshuarat hari ini hendak-lah di-tanggohkan dengan tidak di-tetapkan tarikh meshuarat akan datang.

Pemberitahu Usul

1. Dr. Tan Chee Khoon akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini memandang berat akan kemaraan ka-arah faham "totalitarianism" di-Malaysia yang telah di-boikarkan dengan tahanan yang di-buat baharu2 ini ka-atas ketua2 Front Socialist serta ahli2-nya, dan Majlis ini menyeru Kerajaan Perikatan supaya mereka itu dibawa bichara ka-mahkamah atau di-bebaskan dengan tidak bersharat.

Risalat2 Yang di-bawa ka-dalam Meshuarat

1965

Tarikh di-bawa

ST.38 Perishtiharan atas ada-nya keadaan bahaya menurut Undang2 (Menjaga) Ketenteraman 'Awam, 1958 (Selangor)	3hb Mach, 1965
ST.39 Perishtiharan atas ada-nya keadaan bahaya menurut Undang2 (Menjaga) Ketenteraman 'Awam, 1958 (Seremban)	3hb Mach, 1965
ST.40 Perishtiharan atas ada-nya keadaan bahaya menurut Undang2 (Menjaga) Ketenteraman 'Awam, 1958 (Port Dickson)	3hb Mach, 1965
ST.41 Perishtiharan atas ada-nya keadaan bahaya menurut Undang2 (Menjaga) Ketenteraman 'Awam, 1958 (Raub dan Bentong)	3hb Mach, 1965
ST.42 Perishtiharan atas ada-nya keadaan bahaya menurut Undang2 (Menjaga) Ketenteraman 'Awam 1958 (Slim River)	3hb Mach, 1965